



# MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

## KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

- Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkeelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
52/2022	CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH PERALATAN DIPLOMA DALAM BIDANG PEMBUATAN PINTAR (SMART MANUFACTURING) DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) LUMUT, PERAK.	130101 atau 130102	27/06/2022 Hingga 13/07/2022	15/07/2022 Pendaftaran : 10.00 Pagi Institut Kemahiran MARA Lumut Jalan Dato Seri Kamaruddin, Seri Manjung, 32040 Lumut, Perak	RM25.00	10/08/2022 (Sebelum 12.00 tengah hari)
53/2022	CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH PERALATAN DALAM BIDANG PENYELENGGARAAN MESIN (MACHINE MAINTENANCE) DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) JASIN, MELAKA			15/07/2022 Pendaftaran : 10.00 Pagi Institut Kemahiran MARA Jasin KM 32, Jalan Chinchin, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka	RM25.00	11/08/2022 (Sebelum 12.00 tengah hari)

- Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (online). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web [www.sennego.com](http://www.sennego.com) sebelum menyertai tawaran ini. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada [speedhelp@pdcs.com.my](mailto:speedhelp@pdcs.com.my).

Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender dan membeli nombor pin. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak serta membeli nombor pin dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.

- Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen selepas mendaftar syarikat dengan SENNEGO, pembekal perlu membuat pembelian nombor pin dengan hadir ke Tingkat 2 (Kaunter Tender) Lot 3.15, Ibu Pejabat MARA, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur beserta siji-siji berikut yang masih sah tempoh untuk semakan:

- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan siji-siji di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA dan Pembekal hendaklah membawa cop syarikat semasa menghadiri Taklimat Tender. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

- Nombor Pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat secara BANK DRAF / KIRIMAN WANG / WANG POS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) dengan nilai seperti tercatat di atas dan wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
- Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen tender melalui laman web [www.sennego.com](http://www.sennego.com) mulai 27/06/2022 hingga 13/07/2022.
- Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen tender secara manual dan melalui atas talian (online) sebelum atau pada tarikh tutup tender.
- Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
- Pembelian nombor pin boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 1.00 petang)/(2.00 petang – 4.30 petang) hari Isnin – hari Khamis, (8.30 pagi – 12.15 tengah hari)/(2.45 petang - 4.30 petang) hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Nombor pin tidak akan dijual selepas tempoh ini.
- MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah 0.4% atau 0.7% bagi setiap transaksi yang disempurnakan dari nilai invoice mengikut terma dan syarat pembekalan.
- Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN  
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)  
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

- Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
- Hanya pembekal yang telah berdaftar syarikat dengan SENNEGO dan berjaya menyertai pasaran MARA serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan dibenarkan untuk membuat pembelian nombor pin melalui <https://bayar.maraeps.my>
- Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas 14/07/2022 tidak akan dilayan. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan Penjana No.Pin boleh menghubungi Kaunter Tender di talian 03-26132224 / 32259 / 32262.
- Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- Pembelian Dokumen, Taklimat Lawatan Tapak dan penghantaran Dokumen Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.